




LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA

Tkt 17, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142
Fax: 603-26925680
E-mail: info@bqsm.gov.my
Website: www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: DATO' Sr ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM
DIMP, KMN, AMN, AMT, PJC, MIS (M)
Pendaftar: Sr ABD SHUKOR BIN IBRAHIM
KMN, AMP, FISM
Setiausaha: Sr RATNA MAHYUDDIN
DJN, FISM



SURAT PEKELILING BIL. 2/2010

21 Jun 2010

Kepada : Semua Juruukur Bahan Berdaftar
Semua Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar
Semua Juruukur Bahan Berdaftar Sementara
Semua Firma Juruukur Bahan Perunding Yang Berdaftar

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

DEFINISI SEPENUH MASA DAN SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPATUHI BAGI STRUKTUR ORGANISASI FIRMA JURUUKUR BAHAN PERUNDING YANG BERDAFTAR DENGAN LJBM

1.0 Mesyuarat Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) bilangan ke Sepuluh (10) sesi ke empat belas (14) yang telah diadakan pada 21.06.2010 telah meluluskan polisi baru mengenai definisi "sepenuh masa" sebagai garispanduan kepada semua prinsipal/rakankongsi/pengarah/pemegang ekuiti Firma Juruukur Bahan Perunding yang berdaftar dengan LJBM seperti berikut :


"Tidak bekerja dengan sesebuah organisasi atau berada di bawah kontrak pekerjaan sebagai kakitangan sepenuh masa (*full-time*)"

2.0 Berikut merupakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh semua prinsipal/rakankongsi/pengarah/pemegang ekuiti Firma Juruukur Bahan Perunding yang berdaftar dengan LJBM bagi struktur organisasi Firma Juruukur Bahan Perunding. Namun begitu, keperluan ini dikecualikan bagi firma berstatus Multi Disciplinary Practice (MDP).

- i) Bagi firma ketuanpunyaan tunggal, prinsipal mesti mempunyai komitmen "sepenuh masa" dalam firma tersebut.
- ii) Bagi firma perkongsian/pertubuhan perbadanan :
 - a) pemegang ekuiti majoriti mesti "sepenuh masa".
 - b) sekurang-kurangnya seorang rakankongsi/pengarah "sepenuh masa" dalam setiap firma.
 - c) rakankongsi/pengarah "sepenuh masa" dalam sesebuah firma tidak boleh menjadi rakankongsi / pengarah "sepenuh masa" dalam firma yang lain.
 - d) rakankongsi / pengarah yang memegang status "sepenuh masa" mesti mempunyai lebih 5 tahun pengalaman sebagai Juruukur Bahan Berdaftar.

- e) Rakankongsi/pengarah sepenuh masa yang mempunyai kurang daripada 5 tahun pengalaman sebagai Juruukur bahan Berdaftar boleh dipertimbangkan dengan syarat mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang lagi rakankongsi/pengarah berstatus "sepenuh masa" yang mempunyai lebih 5 tahun pengalaman sebagai Juruukur Bahan Berdaftar dan kombinasi ekuiti kedua-duanya adalah majoriti untuk melayakkannya mendapat permit. Bagi kombinasi ekuiti ini, ekuiti rakankongsi/pengarah firma yang mempunyai lebih 5 tahun pengalaman mesti melebihi daripada rakankongsi/pengarah yang mempunyai kurang 5 tahun pengalaman.
- iii) Prinsipal dan rakankongsi/pengarah yang berstatus "sepenuh masa" tidak boleh menjadi Pengurus Cawangan.
- iv) Mereka yang menetap di luar negara sebagai pekerja dan/atau pelajar tidak boleh dianggap sebagai "sepenuh masa" dalam firma tersebut.
- 3.0 Sila ambil perhatian bahawa keperluan ini berkuatkuasa serta-merta bagi semua permohonan pendaftaran baru Firma Juruukur Bahan Perunding dengan LJBM, manakala bagi pendaftaran yang sedia ada, tempoh masa yang diberikan untuk memenuhi keperluan ini sehingga permohonan pembaharuan pendaftaran bagi tahun 2012.

Dengan Perintah Lembaga,



Sr Abd Shukor bin Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia